

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Malaysia yakin pasaran timah

**KUALA LUMPUR, Rabu** - Malaysia yakin dapat mewujudkan kestabilan pasaran timah serta menggalakkan kemajuan di peringkat antarabangsa dalam jangka panjang bagi industri timah, kata Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong di Dewan Rakyat.

Bellau menambah, ini berlandaskan perbincangan-perbincangan yang dibuat dengan negara-negara ASEAN untuk mewujudkan Perhubungan Negara-negara Pengeluar Timah.

Menjawab soalan mulut Encik Shaari Jusoh (BN-Kangar) bellau berkata hasrat Malaysia ini adalah semata-mata untuk menyatukan negara-negara pengeluar bagi melindungi kepentingan dan hak mereka ataupun. Di antara langkah-langkah yang dicadangkan

ialah:

◦ Pewujudan Perhubungan Negara-negara Pengeluar Timah.

◦ Kerjasama rapat dalam pendekatan terhadap pemasaran.

◦ Mempertingkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan kemajuan.

◦ Merasionalisasi bekalan atau 'supply rationalisation.'

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan, Malaysia akan mengurangkan pengeluaran timah kerana tidak berfaedah untuk mengeluarkan lebih banyak timah bagi pasaran dunia jika harganya tidak berpatutan dengan kos pengeluaran dan tidak memberi pulangan yang wajar kepada industri ini, katanya.